

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET TAK ALIH
JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pihak yang layak/ berminat untuk membeli Aset tak alih seperti berikut:

Bil.	Keterangan Aset Tak Alih	Nombor Pendaftaran	Kuantiti	Harga Simpanan
1.	Pelupusan Aset Tak Alih di Wisma JUPEM -Dua (2) unit jentera lif berjenama Kone	i. PMA51115449925 ii. PMA81115449926	2 unit	RM26,000.00

2. Aset boleh dilihat pada **27 April 2021 hingga 5 Mei 2021 di antara jam 10.00 pagi hingga 4.00 petang** di Ibu Pejabat Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Jalan Sultan Yahya Petra, 50578 Kuala Lumpur.
3. Sebut Harga akan ditutup pada **6 Mei 2021 jam 12.00 tengah hari**. Sebut Harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan. Sebarang pertanyaan teknikal berkenaan lif boleh berhubung terus dengan Puan Faradila binti Teh (0135093917/faradila@jupem.gov.my) / Encik Che Mohd Azri bin Che Saidi (0129360212/mohdazri@jupem.gov.my).
3. Tawaran boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-25) yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 5. Tempoh sah laku tawaran adalah 90 hari bermula dari tarikh Sebut Harga ditutup.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut Harga **SHB(AK)2/2020** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam peti Sebut Harga di alamat: -

**Bahagian Khidmat Pengurusan
Seksyen Kewangan
Tingkat 12, Wisma JUPEM
Jalan Sultan Yahya Petra
50578 Kuala Lumpur**

SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut Harga adalah dikehendaki menyertakan deposit Sebut Harga sebanyak 10% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau tertakluk kepada maksimum RM10,000. Deposit Sebut Harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank/ Jaminan Bank atas nama **KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN**
3. Tawaran tanpa/ kurang deposit Sebut Harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-iswhere-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Penyebut Harga yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahuan keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh 14 hari, deposit Sebut Harga tidak akan dikembalikan.
8. Penyebut Harga yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.

Nota : Syarat-syarat Sebut Harga boleh dipinda mengikut keperluan Jabatan.